



**SURAT PEMBERITAHUAN  
JABATAN BURUH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
BILANGAN: 01/2018**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
اسلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Kepada:  
Semua Agensi-Agensi Pekerjaan,  
Pengurus-Pengurus dan para Majikan  
bagi Syarikat-Syarikat, Firma-Firma,  
Gedung-Gedung Perniagaan dan juga Orang Ramai,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Per: **PERLAKSANAAN PENIADAAN PENGESAHAN KONTRAK PERKHIDMATAN &  
MENIADAKAN SALINAN DOKUMEN TABUNG AMANAH (TAP)  
BAGI PROSES LESEN PEKERJA ASING (LPA)**

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa, dalam usaha Jabatan Buruh mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada orang ramai dan seterusnya supaya proses di Jabatan ini mendokong dasar *Ease of Doing Business*, Jabatan Buruh akan melaksanakan beberapa perkara berikut:

**a) Peniadaan Pengesahan Kontrak Perkhidmatan**

Pada masa ini, pengesahan kontrak perkhidmatan merupakan salah satu proses sebelum pekerja asing dapat dikeluarkan pas kerja oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Mengikut Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini urusan pengesahan kontrak perkhidmatan adalah 1 hari waktu bekerja.

Peniadaan pengesahan kontrak perkhidmatan ini tidaklah bermakna perlindungan dan kebajikan pekerja tidak dilindungi. Jabatan Buruh telah mengatur beberapa inisiatif dalam menguatkuasakan pematuhan perkara-perkara yang ada di dalam kontrak perkhidmatan berpandukan kepada Perintah Pekerja 2009. **Kontrak perkhidmatan masih diperlukan di antara majikan dan pekerja sepertimana kehendak Bab**

**10 Perintah Pekerjaan 2009** dan penguatkuasaan bagi memastikan perkara-perkara yang ada di dalam kontrak perkhidmatan adalah dibuat melalui *post mandatory inspection* bagi memastikan ianya dipatuhi mengikut garispandu di bawah Perintah Pekerjaan 2009. Tindakan undang-undang juga akan diambil terhadap mana-mana majikan yang melanggar kontrak perkhidmatan.

**b) Meniadakan Keperluan Salinan Dokumen Tabung Amanah Pekerja (TAP) Bagi Proses Lesen Pekerja Asing (LPA)**

Dalam memudahkan dan mengurangkan senarai dokumen bagi proses permohonan Lesen Pekerja Asing, adalah dimaklumkan bahawa salinan pendaftaran TAP dan senarai pekerja tempatan TAP yang ada di syarikat adalah tidak lagi menjadi salah satu dokumen yang diperlukan bagi setiap permohonan LPA. Walaubagaimanapun, Jabatan Buruh masih memerlukan setiap syarikat/majikan yang membuat permohonan LPA mestilah telah berdaftar di TAP, hanya dokumennya sahaja tidak perlu disertakan semasa membuat permohonan LPA di Jabatan ini.

Seperti yang sedia maklum, pemeriksaan bagi setiap permohonan LPA akan dibuat melalui *post mandatory inspection* dan jika didapati sebarang maklumat yang tidak benar mengenainya, tindakan yang bersesuaian akan diambil seperti kebenaran LPA akan ditarik balik atau dibatalkan.

Untuk makluman, kedua-dua perkara tersebut di atas akan berkuatkuasa mulai **hari Isnin, 05 Jamadilawal, 1439 / 22hb Januari 2018**.

Sekian disampaikan.

*"Perkhidmatan Berasaskan Kesabaran dan Keyakinan"*

Dengan hormat,



**[ MUHAMMAD SAUFI BIN AWANG HAJI IBRAHIM ]**

Pemangku Pesuruhjaya Buruh

Tarikh: 01 Jamadilawal 1439H / 18 Januari 2018M  
Rujukan Kami: PJB/3000/213/3